

**Bahagian A**

[30 markah]

*Soalan ini **wajib** dijawab.**Baca kedua-dua emel di bawah dengan teliti.**Anda dikehendaki menjawab satu daripada e-mel di bawah. Tulis e-mel anda itu selengkapnya.**Panjangnya huraian hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.*****E-mel 1**

Daripada:	yusuf001@gmail.com
Kepada:	kamal_kamruddin@yahoo.com
Subjek:	Ciri-ciri Sekolah Selamat
<p>Kamal</p> <p>Apa khabar? Sudah lama saya tidak mendengar khabar daripada awak sejak berpindah ke sekolah baharu. Harap awak gembira di sana.</p> <p>Sebenarnya, saya ingin mendapatkan sedikit pandangan daripada awak. Saya telah diminta oleh guru pengawas sekolah saya supaya mendapatkan maklumat tentang sekolah selamat. Saya ditugaskan untuk berucap dalam perhimpunan berkaitan ciri-ciri sekolah selamat.</p> <p>Sehubungan dengan itu, saya berharap awak dapat memberitahu saya tentang ciri-ciri sekolah selamat. Semoga bantuan daripada awak nanti dapat membantu saya menyediakan teks ucapan dengan lengkap.</p> <p>Saya berharap awak dapat membalas e-mel saya ini. Jumpa lagi pada kesempatan lain.</p> <p>Sahabatmu, <i>Yusof</i></p>	

**E-mel 2**

Daripada:	syarifah05@qoomail.com
Kepada:	ramonaMZ@hotmail.com
Subjek:	Keselamatan di Luar Bilik Darjah
<p>Salam hormat Ramona,</p> <p>Apa khabar? Maaf kerana sudah lama tidak menghantar e-mel kepada awak.</p> <p>Pasca-COVID-19 membolehkan murid melakukan aktiviti di luar bilik darjah. Namun begitu, kemalangan di padang atau gelanggang sekolah sering sahaja terjadi. Hal ini menyebabkan murid-murid berisiko untuk mendapat kemalangan ketika melakukan aktiviti tersebut. Oleh itu, saya ingin meminta pandangan awak tentang langkah-langkah keselamatan ketika berada di luar bilik darjah apabila murid-murid melakukan aktiviti riadah atau sukan.</p> <p>Saya menantikan respons daripada awak.</p> <p>Salam hormat, <i>Syarifah</i></p>	

**Bahagian B**

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan sahaja.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan.***

**1.**

Malaysia masih ketinggalan untuk menembusi pasaran global bagi buah-buahan tempatan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Thailand, Vietnam dan Filipina. Hal ini berlaku kerana negara kita masih ketinggalan dalam bidang pertanian berbanding dengan negara berkenaan.

Sumber: <http://buah.mardi.gov.my/>

Sebagai respons terhadap pernyataan di atas, huraikan pendekatan yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

**2.**

Cuti sekolah bukanlah tiket bagi seseorang murid untuk mengabaikan akademik dan menghabiskan masa sepenuhnya untuk berseronok. Oleh itu, murid boleh memanfaatkan masa cuti sekolah dengan menyertai pelbagai kem motivasi. Banyak agensi yang menganjurkan kem motivasi pada setiap kali cuti sekolah.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*Berita.mediacorp*, Nov 2021

Selain saranan yang dinyatakan di atas, huraikan cara-cara yang boleh dilakukan oleh seseorang murid untuk memanfaatkan cuti sekolah.

3.

Menabung merupakan salah satu amalan yang perlu dipupuk dalam diri setiap individu. Pada realitinya, amalan menabung dapat melatih kita untuk belajar berjimat cermat sama ada dalam perbelanjaan bagi barangan keperluan mahupun barangan kehendak.

Sumber :<https://lovesspn.com>

Huraikan manfaat yang dinyatakan dalam petikan berserta manfaat-manfaat lain yang diperolehi daripada amalan tersebut.

4.

Menurut Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), banyak persediaan yang perlu dilakukan oleh murid untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Persediaan tersebut termasuklah melakukan kajian untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan kursus yang diminati, menguasai kemahiran berbahasa asing serta persediaan dari segi mental dan fizikal.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada *sinarharian.com.my*

Bincangkan.

### KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT